



RESEARCH MANAGEMENT CENTRE  	<b>KRITERIA GERAN KONTRAK PENYELIDIKAN DTD (CR DTD 2022) (BAHAGIAN: PENGURUSAN PROJEK)</b>	Semakan:
		Tarikh Pindaan: 27 OGOS 2022
		Muka surat 1 Daripada 3

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1.	<b>Pengenalan</b>	Geran <i>Contract Research Double Tax Deduction</i> (CR DTD) adalah geran yang khusus penggunaannya hanya kepada geran tajaan Industri yang diberikan keistimewaan di bawah Inisiatif Pengecualian Cukai Dua Kali Ganda. Hanya geran tajaan Industri yang mendapat pengecualian cukai berkenaan sahaja akan didaftarkan di bawah kategori CR DTD.
2.	<b>Objektif</b>	Geran ini diwujudkan bertujuan untuk membezakan geran tajaan Industri yang biasa dengan geran tajaan Industri yang mendapat keistimewaan Pengecualian Cukai Dua Kali Ganda, yang mana kaedah pendaftaran geran ini adalah berbeza prosedurnya.
3.	<b>Syarat Permohonan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Permohonan perlu disertakan bersama <b>Letter of Award</b>.</li> <li>2. Layak menerima DTD berdasarkan kriteria berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Dana Peruntukan adalah dari Industri berstatus Sendirian Berhad dan ke atas</li> <li>b. Mempunyai unsur Sains &amp; Teknologi</li> <li>c. Memberikan kelebihan secara terus kepada syarikat berkenaan</li> </ol> </li> <li>3. Ketua Penyelidik warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama.</li> <li>4. Bagi Ketua Penyelidik bukan warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama.</li> <li>5. Setiap projek mesti terdiri daripada Ketua Penyelidik dan sekurang-kurangnya satu (1) staf akademik UTM daripada bidang penyelidikan yang berkaitan.</li> <li>6. <b>Pemohon perlu memuatnaik kertas cadangan (<i>proposal</i>) dalam akaun (<i>class</i>) Turnitin yang disediakan dan laporan yang telah dijana perlu dilampirkan dalam sistem RADIS semasa penghantaran permohonan.</b></li> </ol>
4.	<b>Tempoh Penyelidikan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh projek penyelidikan adalah mengikut tempoh kategori geran yang diberikan oleh pihak industri/penaja.</li> <li>• Bagi staf kontrak, tempoh projek penyelidikan mestilah tidak melebihi tempoh kontrak perkhidmatan</li> </ul>
5.	<b>Siling Peruntukan</b>	Bergantung kepada kelulusan penaja
6.	<b>Peraturan Kewangan</b>	Bergantung kepada kelulusan penaja dan seperti yang diluluskan dalam <i>proposal</i> . Setiap penyelidik perlu mematuhi prosedur semasa perolehan universiti. <p><b>Kawalan Peruntukan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua jenis pembelian melalui pesanan rasmi (PO) perlu dibuat sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh tamat dan tuntutan perlu dilakukan sebelum tarikh tamat tempoh projek penyelidikan.</li> <li>• Sebarang pembelian selepas tarikh tamat tempoh projek tidak akan dipertimbangkan</li> </ul>
7.	<b>Caj Perkhidmatan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Caj perkhidmatan UTM akan dikenakan sebanyak 5% daripada peruntukan projek.</li> <li>• Tambahan caj sebanyak 5% akan dikenakan untuk syarikat <i>spin-off</i>.</li> </ul>

RESEARCH MANAGEMENT CENTRE  	<b>KRITERIA GERAN KONTRAK PENYELIDIKAN DTD (CR DTD 2022) (BAHAGIAN: PENGURUSAN PROJEK)</b>	Semakan:
		Tarikh Pindaan: 27 OGOS 2022
		Muka surat 2 Daripada 3

BIL	PERKARA	KETERANGAN
8.	<b>Output Penyelidikan</b>	Output penyelidikan projek adalah seperti yang telah diluluskan oleh penaja dalam <i>proposal</i> .
9.	<b>Proses Permohonan</b>	<i>Proposal</i> CR DTD dan <i>Letter of Award</i> mestilah diemlkan kepada <i>Unit Marketing &amp; Visibility</i> (UMV), Jabatan Timbalan Naib Canselor (JTNCPI) di <a href="mailto:dtutm@utm.my">dtutm@utm.my</a>
10.	<b>Penilaian Proposal</b>	Permohonan akan disemak dan dinilai oleh panel yang dilantik di peringkat Jabatan Timbalan Naib Canselor (JTNCPI) berdasarkan bidang kepakaran yang bersesuaian dengan <i>niche proposal</i> .
11.	<b>Keputusan</b>	Keputusan yang diumumkan adalah <b>MUKTAMAD</b> .
12.	<b>Pemantauan Projek</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemantauan Geran CR DTD dijalankan sebanyak <b>2 kali setahun</b> iaitu pada bulan Jun dan Disember setiap tahun.</li> <li>• Ketua projek (KP) bagi projek penyelidikan yang diluluskan diwajibkan menghadiri Bengkel Pemantauan Geran CR DTD sekiranya perlu bagi tujuan menilai pencapaian geran yang telah diluluskan. Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek prestasi projek dan prestasi perbelanjaan.</li> <li>• Peruntukan geran yang telah diluluskan akan <b>diagihkan berdasarkan <i>proposal</i> yang telah diluluskan oleh penaja</b> selepas geran penyelidikan di aktifkan</li> <li>• Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Prestasi projek; dan</li> <li>(b) Prestasi kewangan; dan</li> </ul> </li> <li>• Berdasarkan hasil pemantauan dan dengan kelulusan JKPGP, projek akan: <ul style="list-style-type: none"> <li><b>(a) SUSPENDED</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jika tidak menghantar laporan kemajuan dalam tempoh yang ditetapkan</li> </ul> </li> <li><b>(b) TERMINATED</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jika menerima arahan daripada pihak penaja</li> <li>- Jika pencapaian projek tidak memuaskan dan diperakukan oleh penaja</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>
13.	<b>Penutupan/ Penamatan Geran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua Projek (KP) bertanggungjawab untuk menutup geran penyelidikan yang telah diluluskan dengan menghantar laporan akhir dalam tempoh <b>tidak melebihi tiga (3) bulan selepas tarikh tamat</b> geran penyelidikan.</li> <li>• Semua penyelidik perlu menghantar fail <i>Online Claim</i> selepas projek tamat ke Seksyen Kewangan RMC untuk tujuan pengesahan dokumen.</li> <li>• Aset Penyelidikan yang dibiayai menggunakan geran ini perlu diselia oleh Ketua Projek apabila geran telah tamat. Permohonan Pindah Hak Milik / Pelupusan aset penyelidikan tersebut boleh dimajukan ke Seksyen Kewangan RMC.</li> <li>• Kegagalan menghantar fail <i>Online Claim</i> dan laporan akhir boleh mengakibatkan projek penyelidikan tidak dapat ditutup dengan sempurna dan memberi kesan kepada permohonan dan pendaftaran projek penyelidikan yang akan datang.</li> <li>• Ketua Projek boleh <b>disenarai hitam</b> sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) peringatan dihantar.</li> </ul>













**KRITERIA GERAN KONTRAK PENYELIDIKAN  
DTD (CR DTD 2022)  
(BAHAGIAN: PENGURUSAN PROJEK)**

Semakan:

Tarikh Pindaan: 27 OGOS 2022

Muka surat 3 Daripada 3

Carta alir permohonan Geran Kontrak DTD (CR DTD)

Staf Yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses kerja
		Mula
KP		Menghantar permohonan kepada UMV
UMV		Mengenal pasti panel pakar bidang
UMV		Menganjurkan sesi penilaian/pembentangan <i>proposal</i> di peringkat JTNCPI
Panel		Menilai <i>proposal</i>
KP		Menambahbaik <i>proposal</i> berdasarkan komen daripada panel
Panel		Menilai semula <i>proposal</i> yang telah ditambahbaik
UMV		Memaklumkan <i>proposal</i> yang diluluskan untuk proses pendaftaran
KP		Mendaftarkan geran CR DTD dalam RADIS
PT / RM		Memberi khidmat nasihat pendaftaran geran
PT / RM		Mengaktifkan geran
		Tamat